

**“PENGARUH BUDAYA BARAT PADA STAIL DAN  
PEMAKAIAN PAKAIAN REMAJA (MALAYSIA)”**

**REDHA NORLAZIHA BINTI SULAIMAN**

**99121190**

**SARJANA MUDA SENIREKA FESYEN  
FAKULTI SENILUKIS DAN SENIREKA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**SHAH ALAM**

**SESI 2002 / 203**

# ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN

SINOPSIS

DAFTAR ISI

BAB 1	LATAR BELAKANG	Mukasurat
	1.1 Pendahuluan	1-2
	1.2 Hipotesis dan Objektif Kajian	3
	1.3 Batasan dan skop kajian	4
	1.4 Skop penyelidikan dan metologi kajian	5
	1.5 Tujuan penyelidikan	6
<hr/>		
BAB 2	PENGENALAN	
	2.1 Definisi	7
	2.2 Senario budaya pakaian secara am (remaja)	8-9
	2.3 Asal usul dan latar belakang	10
	a. skinheads	11-13
	b. skaters	14-16
	c. punks	17-19
<hr/>		
BAB 3	PEMAKAIAN	
	3.1 Individu yang memakai pakaian	20-21
	3.2 Masa	22-23
	3.3 Stail padanan	
	Banding beza stail barat dan pengaruh	24
	a. skinheads	25-27
	b. skaters	28-30
	c. punks	31-33
	3.4 Faktor pengaruh	34-35
<hr/>		

# PENGHARGAAN

*Bismillahirrahmanirahim.*

Syukur saya ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan keredhaannya dapatlah saya menyiapkan dan tampilkan tesis saya ini. Sekali lagi saya amat berbangga kerana dapat menerokai bakat saya dalam bidang penulisan, malah bukan sahaja dapat berkongsi pengetahuan tetapi juga berkongsi pengetahuan dan memberi kesedaran terhadap ilmu pengetahuan.

Jutaan terima kasih buat penasihat tesis saya, Cik Rafidah binti Khalid yang juga selaku pensyarah Jabatan Fesyen yang selama ini mendorong dan membantu saya menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga kepada pensyarah lain terutamanya En. Anas yang membentuk minat saya dalam mengkaji budaya dan pakaian remaja hari ini. Juga buat pensyarah-pensyarah lain di Fakulti Senilukis dan Senireka yang telah memberi bimbingan dan tunjuk ajar, saya rakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih.

Terhutang budi juga saya kepada kakitangan Pustaka Tun Abdul Razak (PTAR1) UiTM Shah Alam dan Pustaka Negeri Selangor yang telah memberikan kerjasama. Seterusnya rakan seperjuangan terutamanya Jahar, Anie, Ila, Yatie dan Arin yang membantu saya dari sudut sokongan moral.

Terima kasih ini juga saya tujukan buat ayah dan ibu saya En. Sulaiman Mohamad dan Pn. Nyarus serta kak long, dan kak ngah yang banyak mengeluarkan belanja di sepanjang saya membuat tesis ini sehingga habis.

## SINOPSIS

Tesis ini adalah mengenai kajian faktor pengaruh budaya terhadap cara berpakaian yang berhubungkait diantara satu sama lain . Imej barat pada stail pakaian remaja yang dikatakan wujud dan dilihat berleluasa di negara kita masakini pada stail dan cara pemakaian remaja di Malaysia khususnya di kawasan bandar besar seperti Kuala Lumpur dan sekitar Klang .

Kajian yang dilakukan adalah kepada remaja dan juga belia yang berumur 25 tahun ke bawah dan di peringkat sekolah . Gambaran di buat berdasarkan senario dan cara hidup mereka serta cara mereka berpakaian mengikut budaya- budaya tertentu . Di dalam tesis ini tiga budaya iaitu skinheads , skaters dan punks adalah isu utama dalam memahami psikologi remaja serta budaya mereka .

Sejarah dan latarbelakang tentang skinheads , skaters dan punks juga di bentangkan . Pengaruh budaya barat ini juga diterangkan sebagai pemahaman terhadap kedatangan dan terjadinya budaya tersebut .

Stail padanan dan perbandingan diantara stail barat dan stail di Malaysia juga ada diselitkan dalam bab seterusnya , dan penerimaanya oleh remaja di Malaysia . Ia adalah untuk mengetahui kesannya terhadap industri fesyen masakini .

# LATAR BELAKANG KAJIAN.

## 1.1 PENDAHULUAN.

Kini, dilihat dari sudut kehidupan remaja merupakan aset penting negara. Dari situlah keinginan mengkaji cara dan gaya mereka berpakaian terbit. Kajian ini memfokuskan dengan lebih dekat tentang permasalahan yang melibatkan remaja hari ini, bukan sahaja dari segi kehidupan, tetapi juga dari segi pengaruh berpakaian, lebih-lebih lagi yang melibatkan pengaruh barat.

Telah diketahui umum, budaya barat bukan sahaja pengaruh yang kuat tetapi ia juga mendatangkan kesan negatif kepada nilai-nilai berpakaian terutamanya kepada pelajar dan belia di Malaysia. Kajian ini dibuat merangkumi aspek pengenalan, latar belakang, cara hidup dan penyebab yang memberikan kesan kepada permasalahan budaya remaja. Memandangkan kesan kedatangan budaya barat, ada belia ataupun remaja mensalah tafsirkan budaya barat itu sehingga meninggalkan budaya ketimuran, dan menganggapnya sesuatu yang remeh dan *'old fashion'* dan perlu mendapat perubahan.

Kajian ini dilakukan untuk menerangkan bahawa pelajar dan belia di Malaysia sedikit sebanyak telah terpengaruh dengan budaya berpakaian barat dan membuktikan bahawa pengaruh pakaian barat telah membawa kesan yang negatif kepada nilai berpakaian sekaligus nilai cara hidup remaja.

Remaja dipilih sebagai subjek adalah kerana dilihat, dari sudut *'lentur buluh biar dari rebungunya'* kerana remaja dan belia bukan sahaja aset besar kepada negara, malah juga merupakan aset kepada kejayaan sesebuah keluarga dinilai. Manakala barat dan budaya menjadi satu skop yang penting untuk menilai positif dan negatif